

MAKLUMAT BERKAITAN PELAKSANAAN KURSUS MAKMAL SEMM3941/ SKMM3941

1. Kursus Makmal akan dijalankan selama 4 hari, bermula Isnin, 22 Julai 2024 hingga , 25 Julai 2024
2. Kursus Makmal akan di jalankan di kampus utama UTM, iaitu di UTM Skudai, Johor sahaja. Sehubungan dengan itu, semua pelajar dikehendaki mendaftar di pusat pembelajaran Johor Bahru (01) dan **bukan mengikut pusat pembelajaran masing-masing.**
3. **KUMPULAN MAKMAL**

Untuk memudahkan perancangan perjalanan dan penginapan, pelajar adalah digalakkan untuk membentuk kumpulan sendiri. Satu kumpulan terdiri daripada maksimum 5 pelajar. Kumpulan yang menyertakan 4 nama atau kurang berkemungkinan besar akan dilengkapi menjadi 5 ataupun dipecahkan untuk menyertai kumpulan lain. Polisinya ialah, siapa cepat dia dapat. Semua pelajar yang disenarai di dalam kumpulan mestilah telah mendaftar secara online. Nama pelajar yang tidak mendaftar akan secara automatik tidak disenaraikan dalam mana-mana kumpulan. Pelajar tidak dibenarkan menukar kumpulan. Sila email permohonan membentuk kumpulan kepada zarhamdy@mail.fkm.utm.my & izwayda@utmspace.edu.my untuk diproses. Nyatakan kursus makmal, senarai nama ahli beserta no matrik. Jumlah pelajar mendaftar juga memberi impak dalam perkara ini.
4. **BERKAITAN PELAKSANAAN**
 - a) Semua pelajar akan menjalankan 1 makmal wajib terdiri daripada 3 ujikaji , dan 2 makmal modul. Pelajar perlu sediakan laporan individu bagi makmal wajib serta satu laporan berkumpulan bagi setiap makmal modul. Tarikh hantar laporan bergantung kepada pensyarah di makmal yang berkaitan.
 - b) Pelajar perlu tepati masa pertemuan di setiap makmal.
 - c) Pelajar perlu bersedia dengan kelengkapan yang diperlukan seperti kertas, kertas graf, stapler, calculator, dsbnya.
 - d) Pelajar perlu berpakaian yang sesuai untuk menjalankan ujikaji makmal. Penggunaan sandal dan selipar adalah dilarang.
5. Semua urusan perjalanan, penginapan dan yang berkaitan hendaklah diurus/ tanggung sendiri oleh pelajar. Pelajar boleh mencari di dalam webUTM atau di halaman web mudah.com.

6. SURAT PELEPASAN MAJIKAN

Bersama ini disertakan surat pelepasan bagi tujuan menghadiri makmal.

Jadual Makmal akan dimaklumkan dalam minggu Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi 2023/2024.

Sila rujuk segala kemusykilan kepada Penyelaras Makmal UTMSPACE FKM. *Terima Kasih*

PM. Ir. Dr. Mohd Zarhamdy bin Md Zain

Penyelaras Makmal *UTMSPACE* FKM

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Universiti Teknologi Malaysia

Email: zarhamdy@mail.fkm.utm.my

Hp: 013-701287 (sms atau WhatsApp sahaja!!!)